

14/05/2001

Pekerja usah mudah diperdaya dakyah asing

SAMBUTAN Hari Pekerja di beberapa bandar raya utama di dunia dua minggu lalu dicemari pelbagai peristiwa ganas. Mereka bangkit memberontak kerana tidak puas hati dengan pelbagai isu membabitkan kebajikan pekerja dan globalisasi ekonomi. Sambutan Hari Pekerja di Australia, umpamanya, menyaksikan keganasan meletus, dengan 30 anggota polis cedera dan berpuluh lagi ditahan ketika kumpulan anti-globalisasi cuba menjejaskan keadaan di daerah perniagaan utama negara itu. Di Jepun, kira-kira 1.36 juta pekerja menghadiri rapat umum sambil menempelak usaha kerajaan mengatasi kelembapan ekonomi sebagai mengundang malapetaka. Di Taiwan, beribu-ribu pekerja mengibarkan kain sepanduk dan melaungkan slogan di jalan raya Taipei menuntut perlindungan kerja dan pengangguran yang semakin buruk. Demikian jugalah gambarannya di beberapa negara lain, termasuk Indonesia dan Sri Lanka.

Sebaliknya, warga pekerja di negara ini sungguh bertuah kerana sekali lagi dapat menyambut Hari Pekerja dalam keadaan selamat daripada ancaman pengangguran secara besar-besaran, manakala kerajaan pula terus menghargai dan mengiktiraf sumbangan dan jasa mereka kepada kemajuan negara. Jalinan persefahaman terbaik di antara majikan dan pekerja harus mewujudkan situasi `menang-menang'. Dengan hubungan perindustrian seumpama itu, keuntungan akan dimanfaatkan bersama manakala sebarang keadaan berlawanan harus juga sama-sama dipikul. Namun, atas nama hak pekerja, ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk dipraktikkan. Sambil pelbagai tuntutan dibuat ketika syarikat meraih keuntungan, kerugian pula sekadar menambah tekanan dan bebanan untuk majikan melaksanakan janjinya terhadap pekerja ketika ia tidak mampu berbuat demikian.

Melihat kepada senario di negara-negara berkenaan, adalah jelas bahawa pekerja Malaysia mendapat layanan yang jauh lebih baik. Walaupun tidak semua tuntutan mereka dipenuhi, namun perkara asas tuntutan mereka tetap diberi perhatian oleh kerajaan. Pekerja di Malaysia begitu bertanggungjawab dan tertib ketika mengadakan perhimpunan. Mereka yakin kepada semangat rundingan daripada bertindak melulu untuk menyelesaikan masalah di jalan raya. Tidak ada faedahnya menyelesaikan masalah menerusi kekerasan. Sikap berkonfrontasi dengan kerajaan atau majikan, tidak akan membawa keuntungan, sebaliknya hanya menjejaskan nama baik pekerja. Tiada pelabur yang berminat menanam modal sekiranya pekerja sering menunjukkan sikap memberontak.

Sebagaimana ingatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, pekerja tidak harus mudah terpedaya dengan dakyah rakan asing mereka di negara maju supaya membuat tuntutan keterlaluan terhadap majikan. Tiada silapnya rumusan Perdana Menteri bahawa tujuan sebenar kesatuan sekerja asing berbuat sedemikian dengan menggunakan forum Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) adalah untuk melumpuhkan perindustrian negara dan menamatkan persaingan negara ini di pasaran antarabangsa demi kepentingan mereka. Apabila keadaan itu berlaku, pengeluaran barangan kita berkurangan dan harganya meningkat hingga tidak boleh bersaing dengan barangan keluaran negara maju. Kesudahannya, pekerja kita akan kehilangan pekerjaan dan sebarang tuntutan tidak akan bermakna lagi. Pekerja harus berhati-hati dengan perangkap seperti ini dengan menimbangkan buruk baik sesuatu tuntutan dan sebarang pertikaian hendaklah diselesaikan di meja rundingan.

(END)